

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHROM** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat kajian menyeluruh terhadap masalah psikososial golongan pelajar. Apakah hasil dapatan kajian dan bagaimana Kementerian mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan peka terhadap psikososial serta kebajikan murid. KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Program Minda Sihat Di Sekolah Dalam Kebiasaan Baharu bagi memperkasa psikososial, menyokong kesejahteraan sosioemosi murid dan melaksanakan intervensi dalam menguruskan emosi mereka dengan baik semasa tempoh pandemik COVID-19. Melalui program ini, Saringan Minda Sihat dilaksanakan sebagai pengesanan awal untuk mengenal pasti murid yang mempunyai isu berkaitan emosi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 818,430 orang murid Tahun Lima dan Tahun Enam di sekolah rendah telah mengambil bahagian dalam saringan ini bagi tempoh Jun hingga Ogos 2021. Berdasarkan dapatan saringan tersebut, terdapat 87.45 peratus murid dikategorikan tidak berisiko iaitu tidak menunjukkan perasaan sedih berpanjangan, murung dan kurang minat apabila melakukan kerja-kerja lebih. Manakala 12.55 peratus murid dikategorikan sebagai berisiko dengan menunjukkan perasaan sedih berpanjangan, murung dan kurang minat melakukan kerja-kerja lebih.

Murid sekolah rendah yang dikenal pasti berisiko diberikan intervensi khusus melalui aktiviti teknik relaksasi, *mindfulness*, sesi bimbingan dan kaunseling serta konsultasi ibu bapa/ penjaga bagi meningkatkan kemahiran gaya daya (coping skill) tindak murid berkenaan. Ini kerana murid didapati kurang kemahiran mengurus emosi dengan baik apabila menghadapi situasi mencabar. Manakala murid yang dikenal pasti berada dalam kategori tidak berisiko diberikan intervensi umum seperti panduan amalan gaya hidup sihat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid sekolah menengah bermula daripada kelas peralihan sehingga Tingkatan Enam berjumlah 1,737,755 orang juga telah mengambil bahagian dalam saringan ini. Isu

## SOALAN NO : 23

psikososial yang dikenal pasti berdasarkan saringan tersebut bagi murid sekolah menengah ialah tanda awal kebimbangan dan kemurungan.

Bagi murid sekolah menengah yang dikenal pasti mempunyai tanda awal kebimbangan dan kemurungan, mereka perlu menjalani intervensi menggunakan Modul Minda Sihat KPM dan Modul Kesihatan Mental Remaja KKM. Intervensi ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menangani stres, kemahiran menyelesaikan masalah dan menguruskan emosi dengan baik bagi membantu murid berada dalam persekitaran yang selamat.

Di samping itu, bagi murid sekolah rendah yang berisiko, sokongan daripada ibu bapa, guru serta rakan diberikan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak (coping skill). Manakala murid sekolah menengah yang menunjukkan tanda kecelaruan emosi seperti kemurungan dan kebimbangan yang teruk dan sangat teruk, pihak sekolah akan berbincang bersama-sama ibu bapa/penjaga untuk merujuk murid berkenaan kepada pakar perubatan di klinik kesihatan atau hospital berdekatan.

KPM akan terus memberi perhatian kepada pengurusan kesihatan mental murid untuk memberi sokongan kepada kesejahteraan minda mereka.